



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)

<https://gaexcellence.com/ijepe>



**PERANAN *MURABBI* DALAM HUBUNGAN KAEDAH
PEMBELAJARAN DAN PEMBENTUKAN AKHLAK AL-
QURAN DALAM KALANGAN ANGGOTA ANGKATAN
TENTERA MALAYSIA (ATM): SUATU ANALISIS
EMPIRIKAL**

*THE ROLE OF THE MURABBI IN THE RELATIONSHIP BETWEEN
LEARNING METHODS AND THE FORMATION OF QUR'ANIC
MORAL CHARACTER AMONG MEMBERS OF THE MALAYSIAN
ARMED FORCES (MAF): AN EMPIRICAL ANALYSIS*

Amirrul Haffis Mohamad ¹, Zahimi Zainol Abidin ^{2*}, Daud Mohamed Salleh ³

¹Department of Nationhood, Leadership and Islamic Studies, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia



Amirrul106@gmail.com



<https://orcid.org/0009-0001-4175-5261>

²Islamic Defence Studies Academy, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia



zahimi@upnm.edu.my



<https://orcid.org/0009-0004-6090-4420>

³Islamic Defence Studies Academy, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia



daudmohamedsalleh@yahoo.com



<https://orcid.org/0009-0008-0316-8526>

*Corresponding Author

Article Info:

Abstrak:

Article history:

Received date: 18.01.2026

Revised date: 12.02.2026

Accepted date: 22.03.2026

Published date: 31.03.2026

To cite this document:

Mohamad, A. H., Abidin, Z. Z., & Salleh, D. M. (2026). Peranan *Murabbi* Dalam Hubungan Kaedah Pembelajaran Dan Pembentukan Akhlak Al-Quran Dalam Kalangan Anggota Angkatan Tentera

Kajian ini meneliti peranan murabbi sebagai pemboleh ubah pencelah dalam hubungan antara kaedah pembelajaran dan pembentukan akhlak berteraskan Al-Quran dalam kalangan anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Menggunakan rekabentuk penyelidikan kuantitatif, data dikumpul daripada 458 responden melalui soal selidik berstruktur. Data dianalisis menggunakan analisis regresi hierarki bagi menilai kesan langsung dan tidak langsung di antara pemboleh ubah kajian. Dapatan menunjukkan bahawa peranan murabbi secara signifikan menceleh hubungan antara kaedah pembelajaran dan pembentukan akhlak Al-Quran ($\beta = 0.156$, $t = 2.139$, $p < 0.05$). Hasil ini menunjukkan bahawa keberkesanan kaedah pembelajaran dalam membentuk akhlak diperkuat apabila dibimbing oleh murabbi, yang berperanan bukan sahaja sebagai pengajar, tetapi juga sebagai teladan moral dan pembimbing

Malaysia (Atm): Suatu Analisis Empirikal. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 11 (62), 1611-1622.

rohani. Kajian ini menyumbang kepada literatur pendidikan Islam dengan mengemukakan model empirikal yang mengintegrasikan strategi pedagogi dengan peranan rohani dan moral murabbi dalam konteks latihan ketenteraan. Dari segi praktikal, dapatan mencadangkan keperluan memperkukuh modul latihan berasaskan murabbi bagi meningkatkan pembangunan akhlak secara holistik dalam kalangan anggota tentera.

DOI:10.35631/IJEPC.1162094 **Kata Kunci:**

Akhlak Berteraskan Al-Quran, Angkatan Tentera Malaysia, Kaedah Pembelajaran, Murabbi, Pendidikan Islam

Abstract:

This study examines the role of the *murabbi* as a mediating variable in the relationship between learning methods and Qur'anic moral character formation among members of the Malaysian Armed Forces (MAF). Using a quantitative research design, data were collected from 458 respondents through a structured questionnaire. The data were analysed using hierarchical regression analysis to assess both direct and indirect effects among the study variables. The findings reveal that the role of the *murabbi* significantly mediates the relationship between learning methods and Qur'anic moral character formation ($\beta = 0.156$, $t = 2.139$, $p < 0.05$). This result indicates that the effectiveness of learning methods in shaping moral character is strengthened when mediated by the *murabbi*, who functions not only as an instructor but also as a moral exemplar and spiritual guide. The study contributes to Islamic education literature by proposing an empirically supported model that integrates pedagogical strategies with the spiritual and moral role of the *murabbi* within a military training context. Practically, the findings suggest the need to strengthen *murabbi*-based training modules to enhance holistic moral development among military personnel.

Keyword:

Islamic Education, Learning Methods, Malaysian Armed Forces, *Murabbi*, Qur'anic Moral Character



© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact ijepec@gaexcellence.com

Pengenalan

Pendidikan Islam bertujuan melahirkan insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, dan akhlak, selaras dengan tuntutan Al-Quran dan Sunnah. Matlamat terasnya adalah pembentukan akhlak mulia berpaksikan nilai wahyu, bukan sekadar pemindahan ilmu secara kognitif. Dalam konteks semasa, cabaran pembentukan akhlak semakin kompleks akibat perubahan sosial, tekanan kerjaya, dan pengaruh persekitaran, justeru pendekatan holistik dan berkesan amat diperlukan. Dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM), pembentukan akhlak adalah kritikal kerana kerjaya ketenteraan menuntut tahap disiplin, integriti, kepatuhan, dan ketahanan moral yang tinggi. Anggota ATM berperanan bukan sahaja mempertahankan kedaulatan negara tetapi juga menjadi penjawat amanah yang sering menghadapi situasi risiko tinggi dan dilema etika. Oleh itu, pembentukan akhlak Al-Quran perlu dilaksanakan secara sistematik melalui kaedah pembelajaran yang berkesan dan disokong oleh pendidik yang berperanan sebagai agen tarbiah. Kaedah pembelajaran merupakan faktor utama dalam keberkesanan pendidikan Islam. Ia tidak terhad kepada penyampaian maklumat secara konvensional, tetapi merangkumi pendekatan teladan (*uswah hasanah*), pembiasaan, penghayatan nilai, dan bimbingan berterusan. Walau bagaimanapun, kaedah semata-mata tidak cukup tanpa kehadiran faktor manusia yang mampu menterjemahkan ilmu kepada amalan nilai dalam kehidupan seharian. Konsep *murabbi* menjadi teras penting dalam pendidikan Islam. *Murabbi* merujuk kepada pendidik yang mengajar, membimbing, memelihara, dan membentuk keperibadian pelajar secara menyeluruh. Peranan *murabbi* merangkumi aspek spiritual, moral, dan emosi, membolehkan nilai Al-Quran diinternalisasikan secara berkesan. Dalam konteks ATM, *murabbi* berfungsi sebagai model akhlak, pembimbing rohani, dan pemudah cara yang menghubungkan kaedah pembelajaran dengan pembentukan akhlak. Walaupun kepentingan *murabbi* sering dibincangkan secara konseptual, kajian empirikal mengenai peranan *murabbi* sebagai pemboleh ubah mencelah masih terhad. Kebanyakan kajian terdahulu menumpukan kepada hubungan langsung antara kaedah pembelajaran dan pembentukan akhlak, tanpa meneliti mekanisme dalaman. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk meneliti secara empirikal peranan *murabbi* sebagai pencelah dalam hubungan antara kaedah pembelajaran dan pembentukan akhlak Al-Quran dalam kalangan anggota ATM. Dapatan kajian diharapkan menyumbang kepada pengayaan literatur pendidikan Islam dan memberikan implikasi praktikal bagi penambahbaikan pendekatan latihan dan pendidikan akhlak dalam institusi ketenteraan.

Penyataan Masalah

Pembelajaran al-Quran merupakan asas penting dalam pembentukan akhlak dan pengamalan Islam dalam kalangan anggota ATM, khususnya dalam membina disiplin, integriti dan tanggungjawab profesional. Namun demikian, laporan rasmi Bahagian Provos dan Perundangan ATM bagi Suku Pertama 2025 menunjukkan tahap salah laku yang masih tinggi, terutamanya dalam Tentera Darat Malaysia (TDM), melibatkan kes jenayah, moral dan agama, dadah serta tidak hadir tanpa cuti (Bahagian Provos dan Perundangan ATM, 2025). Dapatan ini menimbulkan persoalan tentang keberkesanan program pembelajaran al-Quran yang dilaksanakan oleh KAGAT dalam membentuk akhlak Al-Quran secara holistik. Beberapa faktor dikenal pasti menyumbang kepada isu ini. Dari sudut kurikulum dan pelaksanaan, pendekatan pengajaran yang tidak bersepadu serta kurang interaktif boleh menjejaskan penghayatan nilai dalam pendidikan Al-Quran

(Al-Attas, 1991; Al-Nahlawi, 2005). Dalam konteks organisasi ketenteraan, tekanan operasi dan tuntutan fizikal serta mental turut mempengaruhi keberkesanan pembelajaran dan pembentukan tingkah laku anggota (Bartone, 2006; Adler & Castro, 2013). Oleh itu, peranan murabbi sebagai model teladan, motivator dan agen transformasi rohani menjadi kritikal dalam menghubungkan kaedah pembelajaran dengan pembentukan akhlak Al-Quran. Tanpa bimbingan dan teladan sistematik daripada murabbi, pengajaran Al-Quran berisiko tertumpu hanya kepada bacaan dan hafazan tanpa membentuk akhlak secara menyeluruh (Bandura, 1977; Al-Ghazali, 2001). Jurang kajian ini menekankan perlunya menguji secara empirikal peranan murabbi sebagai pemboleh ubah pencelak dalam hubungan antara kaedah pembelajaran dan pembentukan akhlak Al-Quran dalam kalangan anggota ATM.

Objektif Kajian

Menentukan peranan *murabbi* sebagai pemboleh ubah pencelak dalam hubungan antara kaedah pembelajaran dan pembentukan akhlak Al-Quran dalam kalangan anggota ATM.

Persoalan Kajian

Adakah peranan *murabbi* bertindak sebagai pemboleh ubah mencelak yang signifikan dalam hubungan antara kaedah pembelajaran dan pembentukan akhlak Al-Quran dalam kalangan anggota ATM?

Sorotan Literatur

Kaedah Pembelajaran

Kaedah pembelajaran dalam pendidikan Islam menekankan strategi yang menghubungkan teori dengan amalan nilai akhlak, termasuk pendekatan kontekstual, refleksi nilai, dan penglibatan aktif peserta didik (Zebua et al., 2024). Menurut Syah et al. (2024), pendekatan seperti *uswah hasanah*, *mau'izhah hasanah*, dan pembelajaran kontekstual dapat meningkatkan kefahaman serta aplikasi nilai Qur'ani dalam kehidupan harian. Kajian juga mencadangkan bahawa kaedah pembelajaran yang interaktif dan bernilai rohani menyokong pembentukan moral dan disiplin anggota tentera (Rahman & Salleh, 2025).

Peranan Murabbi

Peranan *Murabbi* dalam pendidikan Islam merangkumi bimbingan spiritual, teladan moral, dan pemantauan internalisasi nilai supaya ilmu tidak hanya difahami secara kognitif tetapi diamalkan dalam kehidupan seharian (Hassan & Rahim, 2024). Kajian terkini mendapati bahawa *murabbi* bukan sekadar pengajar, tetapi agen transformasi rohani yang memperkukuh keberkesanan kaedah pembelajaran terhadap pembentukan akhlak melalui hubungan personal dan motivasi berterusan (Ismail & Yusuf, 2025).

Pembentukan Akhlak Berteraskan Al-Quran


Pembentukan akhlak berteraskan Al-Quran melibatkan proses internalisasi nilai moral seperti amanah, sabar, adil dan kasih sayang yang berteraskan wahyu. Kajian menunjukkan bahawa pemahaman teks Al-Quran sahaja tidak mencukupi; kaedah pengajaran perlu disokong dengan pengalaman refleksi, praktik nilai dan bimbingan holistik untuk membentuk tingkah laku moral yang berterusan (Siddiq & Ahmad, 2024). Dalam konteks pendidikan profesional, integrasi nilai Qur'ani membantu peserta menyesuaikan diri dengan tuntutan moral dalam kehidupan harian dan profesion mereka (Rahimi & Noor, 2025).

Teori Kajian

Kajian ini berasaskan prinsip pendidikan Islam yang menekankan pembentukan akhlak secara holistik melalui bimbingan dan pengajaran bersepadu. Peranan murabbi dilihat sebagai agen transformasi nilai yang menghubungkan kaedah pembelajaran dengan pembentukan akhlak berteraskan Al-Quran dalam kalangan anggota ATM. Secara teori, kajian ini berpandukan Teori Pembelajaran Sosial oleh Bandura (1977) yang menegaskan bahawa pembelajaran berlaku melalui pemerhatian, peniruan dan pembiasaan. Dalam konteks ini, anggota bukan sahaja memperoleh ilmu secara kognitif, tetapi turut mencontohi teladan moral dan rohani murabbi sebagai model. Kajian ini turut mengaplikasikan model pencelahan berdasarkan pendekatan Baron dan Kenny (1986), di mana kaedah pembelajaran bertindak sebagai pemboleh ubah tidak bersandar, pembentukan akhlak Al-Quran sebagai pemboleh ubah bersandar, dan murabbi sebagai pemboleh ubah mencelah. Kerangka ini mengintegrasikan konsep tarbiyyah, uswah hasanah dan ta'wīd, sekali gus membentuk model empirikal yang relevan untuk konteks latihan rohani dan profesional anggota ATM.

Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian ini dibangunkan bagi menjelaskan hubungan antara kaedah pembelajaran dan pembentukan akhlak Al-Quran dengan peranan *murabbi* sebagai pemboleh ubah mencelah dalam kalangan anggota ATM. Dalam kerangka ini, kaedah pembelajaran berfungsi sebagai pemboleh ubah tidak bersandar yang merangkumi pendekatan pedagogi seperti kuliah, perbincangan, latihan amali dan pembiasaan nilai. Pembentukan akhlak Al-Quran pula bertindak sebagai pemboleh ubah bersandar yang merujuk kepada internalisasi nilai seperti amanah, disiplin, sabar dan integriti. Peranan *murabbi* ditempatkan sebagai pemboleh ubah mencelah yang menghubungkan kedua-dua konstruk tersebut melalui bimbingan, teladan (uswah hasanah), pemantauan dan pengukuhan rohani. Kerangka ini mengandaikan bahawa keberkesanan kaedah pembelajaran terhadap pembentukan akhlak akan menjadi lebih signifikan apabila diperkukuh oleh fungsi *murabbi* sebagai pembimbing dan model moral. Justeru, model ini membentuk asas pengujian hipotesis secara empirikal.



Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian

Hipotesis Kajian

H1: Peranan *murabbi* bertindak sebagai pemboleh ubah mencilah yang signifikan dalam hubungan antara kaedah pembelajaran dan pembentukan akhlak Al-Quran dalam kalangan anggota ATM.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif sepenuhnya bagi menilai hubungan antara kaedah pembelajaran dan pembentukan akhlak Al-Quran dalam kalangan anggota ATM melalui peranan *murabbi* sebagai pemboleh ubah mencilah. Pendekatan ini dipilih kerana ia membolehkan pemerolehan data empirikal yang bersifat objektif serta sesuai untuk menganalisis hubungan antara pemboleh ubah melalui prosedur statistik yang sistematik (Creswell & Creswell, 2023; Hair et al., 2021). Pengumpulan data dilakukan melalui edaran soal selidik berstruktur kepada 458 responden dalam kalangan anggota ATM. Kesemua item telah melalui proses pengesahan kandungan dan ujian rintis sebelum diedarkan bagi menjamin kesahan dan kebolehpercayaan instrumen (Chong, Falahat, & Lee, 2020). Bagi menganalisis data, kajian ini menggunakan perisian SmartPLS versi 3.2.5, selaras dengan keperluan analisis model pengukuran dan struktural menggunakan kaedah *Partial Least Squares Structural Equation Modeling* (PLS-SEM). Teknik ini sangat sesuai digunakan dalam kajian sosial yang melibatkan konstruk laten dan model teori yang kompleks (Hair, Hult, Ringle, & Sarstedt, 2021; Henseler, Hubona, & Ray, 2021).

Langkah Analisis Data

Pertama, analisis faktor pengesahan (Confirmatory Factor Analysis, CFA) dijalankan bagi mengesahkan kesesuaian item terhadap konstruk yang diukur. Penilaian keesahan konvergen dibuat melalui *Average Variance Extracted* (AVE), di mana nilai melebihi 0.50 menunjukkan bahawa konstruk tersebut menjelaskan varians yang mencukupi dalam data (Hair et al., 2021). Seterusnya, keesahan diskriminan diuji melalui dua kaedah utama. Kaedah pertama ialah Fornell-Larcker Criterion, yang mengesahkan bahawa akar kuasa dua AVE bagi setiap konstruk mestilah lebih tinggi daripada korelasi antara konstruk tersebut dengan konstruk lain. Kaedah kedua ialah Heterotrait-Monotrait Ratio (HTMT), yang lebih sensitif dalam mengesan keabsahan diskriminan. Nilai HTMT yang kurang daripada 0.90 menandakan perbezaan konstruk yang mencukupi dan tidak bertindih secara empirikal (Franke & Sarstedt, 2019; Henseler et al., 2021). Akhir sekali, pengujian hipotesis dilakukan menggunakan kaedah bootstrapping dengan 5,000 sampel ulangan. Kaedah ini menghasilkan nilai pekali laluan (β), t-statistik dan nilai p bagi menentukan kekuatan serta signifikan hubungan antara pemboleh ubah. Nilai t yang melebihi 1.96 dan

nilai p kurang daripada 0.05 dianggap signifikan pada tahap keyakinan 95%. Selain itu, nilai R^2 turut dianalisis bagi menentukan kekuatan model dalam menerangkan varians pemboleh ubah bersandar (Sarstedt et al., 2022).

Reka bentuk metodologi ini memberi jaminan terhadap ketepatan, kebolehpercayaan dan kesahan dapatan kajian, serta sejajar dengan keperluan penyelidikan empirikal dalam bidang sains sosial dan pengurusan sumber manusia ketenteraan.

Dapatan Kajian

Kajian ini memberikan gambaran empirikal yang signifikan mengenai hubungan antara kaedah pembelajaran, peranan *murabbi* (pemboleh ubah mencelah) dan pembentukan akhlak Al-Quran dalam kalangan anggota ATM. Seramai 458 anggota ATM yang mengikuti latihan agama terlibat sebagai responden, menjadikan saiz sampel ini mewakili populasi secara bermakna. Data dianalisis menggunakan teknik *Partial Least Squares Structural Equation Modeling* (PLS-SEM) melalui perisian SmartPLS, yang membolehkan pengujian hubungan langsung dan tidak langsung antara konstruk secara komprehensif.

Hasil analisis menunjukkan bahawa kaedah pembelajaran mempunyai hubungan positif dan signifikan dengan pembentukan akhlak Al-Quran ($\beta = 0.156$, $t = 2.139$, $p < 0.05$). Selain itu, kaedah pembelajaran turut menunjukkan hubungan yang signifikan dengan peranan *murabbi* ($\beta = 0.421$, $t = 8.124$, $p < 0.001$), manakala peranan *murabbi* mempunyai pengaruh yang lebih kuat terhadap pembentukan akhlak Al-Quran ($\beta = 0.465$, $t = 9.732$, $p < 0.001$). Apabila dimasukkan sebagai pemboleh ubah mencelah, kesan langsung kaedah pembelajaran terhadap pembentukan akhlak menurun kepada $\beta = 0.089$ ($t = 1.975$, $p < 0.05$), membuktikan wujudnya pencelahan signifikan. Dapatan ini menunjukkan bahawa sebahagian besar pengaruh kaedah pembelajaran terhadap pembentukan akhlak disalurkan melalui peranan *murabbi* sebagai pembimbing, teladan moral dan agen tarbiah. Secara keseluruhan, model kajian ini membuktikan bahawa keberkesanan pembentukan akhlak Al-Quran dalam kalangan anggota ATM tidak hanya bergantung kepada pendekatan pedagogi semata-mata, tetapi sangat diperkukuh oleh fungsi *murabbi* yang konsisten dan berautoriti. Implikasi kajian ini menekankan keperluan memperkukuh modul latihan berasaskan *murabbi* dalam sistem pendidikan dan latihan ATM bagi memastikan pembangunan akhlak yang lebih holistik, bersepadu dan berkesan dalam persekitaran ketenteraan yang mencabar.

Perbincangan Teoritikal

Dapatan Kajian dan Pengukuhan Asas Teori

Dapatan kajian ini mengukuhkan asas teori yang mendasari model konseptual, khususnya integrasi antara Teori Pembelajaran Sosial dan prinsip pendidikan Islam berteraskan konsep *tarbiah*. Hubungan signifikan antara kaedah pembelajaran dan pembentukan akhlak Al-Quran membuktikan bahawa pendekatan pedagogi yang sistematik berupaya mempengaruhi pembangunan moral anggota tentera. Namun, penemuan paling penting ialah peranan *murabbi* sebagai pemboleh ubah mencelah yang signifikan, yang memperkukuh hubungan tersebut. Selaras dengan Teori Pembelajaran Sosial,

pembelajaran bukan sekadar proses kognitif, tetapi turut berlaku melalui pemerhatian, peniruan dan interaksi sosial. Dalam konteks ini, *murabbi* berfungsi sebagai model tingkah laku (role model) yang mempamerkan akhlak Al-Quran dalam tindakan harian. Dapatan yang menunjukkan pengaruh *murabbi* lebih kuat berbanding kesan langsung kaedah pembelajaran memperkukuh hujah bahawa internalisasi nilai memerlukan teladan dan bimbingan yang konsisten. Ini membuktikan bahawa teori yang digunakan bukan sahaja relevan secara konseptual, malah disokong secara empirikal dalam konteks ketenteraan.

Perbincangan Empirikal

Secara empirikal, dapatan menunjukkan bahawa kaedah pembelajaran mempunyai kesan positif terhadap pembentukan akhlak Al-Quran, namun kekuatan kesannya berada pada tahap sederhana. Hal ini menggambarkan bahawa pendekatan pengajaran semata-mata tidak mencukupi untuk membentuk akhlak secara mendalam. Apabila peranan *murabbi* dimasukkan sebagai pencelah, kesan kaedah pembelajaran menjadi lebih bermakna, sekali gus menjelaskan mekanisme bagaimana pembentukan akhlak berlaku dalam realiti latihan agama ATM. Dapatan ini selari dengan literatur pendidikan Islam yang menegaskan kepentingan *uswah hasanah*, pembiasaan nilai dan bimbingan rohani berterusan. Dalam persekitaran ketenteraan yang menuntut disiplin tinggi dan ketahanan mental, anggota bukan sahaja memerlukan pengetahuan agama, tetapi juga contoh praktikal bagaimana nilai tersebut diaplikasikan dalam situasi sebenar. *Murabbi* berperanan menghubungkan jurang antara teori dan amali. Selain itu, hubungan signifikan antara kaedah pembelajaran dan peranan *murabbi* menunjukkan bahawa keberkesanan pedagogi turut bergantung kepada kredibiliti dan kompetensi *murabbi*. Ini bermakna struktur latihan agama yang baik perlu disokong oleh individu yang berkeupayaan membimbing secara spiritual dan moral. Dapatan ini menyumbang kepada literatur dengan menyediakan bukti empirikal tentang peranan *murabbi* sebagai mekanisme perantara yang memperjelas hubungan antara pembelajaran dan akhlak.

Implikasi Praktikal

Dari sudut praktikal, kajian ini memberi implikasi penting kepada institusi latihan agama ATM. Pertama, modul latihan perlu dirangka bukan sahaja berasaskan kandungan kurikulum, tetapi turut memberi penekanan kepada pembangunan kompetensi *murabbi* sebagai pembimbing rohani dan model akhlak. Program pembangunan profesional berterusan wajar memasukkan elemen kepimpinan moral, komunikasi berkesan dan pengurusan emosi. Kedua, sistem penilaian keberkesanan latihan agama perlu mengambil kira dimensi interaksi *murabbi*-pelatih. Penilaian tidak boleh hanya berfokus kepada pencapaian kognitif, tetapi juga perubahan sikap dan tingkah laku. Ketiga, institusi latihan boleh memperkukuh pendekatan mentoring dan bimbingan individu bagi memastikan nilai yang diajar benar-benar dihayati. Secara keseluruhannya, dapatan ini mencadangkan bahawa pelaburan dalam pembangunan *murabbi* adalah strategi utama dalam memperkukuh pembentukan akhlak anggota ATM. Pendekatan yang menekankan integrasi ilmu, teladan dan bimbingan berterusan diyakini mampu melahirkan anggota yang bukan sahaja profesional, tetapi juga berintegriti dan berakhlak tinggi.

Cadangan Kajian Lanjutan

Walaupun kajian ini berjaya membuktikan peranan pencelahan *murabbi* secara signifikan, beberapa ruang kajian lanjutan boleh diteroka. Pertama, kajian masa hadapan boleh menggunakan reka bentuk longitudinal bagi menilai perubahan akhlak dalam tempoh yang lebih panjang. Ini penting untuk melihat kestabilan kesan *murabbi* terhadap pembentukan nilai. Kedua, kajian kualitatif seperti temu bual mendalam boleh dijalankan bagi memahami secara lebih terperinci pengalaman anggota dalam proses bimbingan *murabbi*. Pendekatan campuran (mixed-method) juga boleh memperkayakan pemahaman tentang dinamika hubungan tersebut. Ketiga, pemboleh ubah lain seperti motivasi intrinsik, budaya organisasi dan sokongan kepimpinan boleh dimasukkan dalam model bagi menguji kesan gabungan faktor psikososial dan struktur organisasi. Kajian perbandingan antara cabang perkhidmatan atau institusi latihan juga boleh memberi gambaran yang lebih menyeluruh tentang keberkesanan pendekatan berasaskan *murabbi*.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini membuktikan bahawa peranan *murabbi* merupakan faktor kritikal dalam memperkukuh hubungan antara kaedah pembelajaran dan pembentukan akhlak Al-Quran dalam kalangan anggota ATM. Keberkesanan pedagogi tidak terletak pada metodologi semata-mata, tetapi bergantung kepada sejauh mana *murabbi* berfungsi sebagai teladan, pembimbing dan agen transformasi nilai. Model empirikal yang dibangunkan dalam kajian ini menyumbang kepada pengembangan teori pendidikan Islam serta menyediakan asas praktikal bagi penambahbaikan sistem latihan agama dalam konteks ketenteraan. Dengan mengintegrasikan pendekatan pedagogi dan bimbingan rohani, pembentukan akhlak Al-Quran dapat dilaksanakan secara lebih sistematik, holistik dan berkesan.

Penghargaan:	Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada ATM, KAGAT, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan (FPPP) dan Akademi Pengajian Pertahanan Islam (APPI) atas sokongan dan kemudahan yang diberikan sepanjang kajian ini dijalankan
Pernyataan Pembiayaan:	Kajian ini tidak menerima sebarang pembiayaan
Pernyataan Konflik Kepentingan:	Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan penerbitan kertas kerja ini. Semua penulis telah menyumbang kepada kajian ini dan telah meluluskan versi akhir manuskrip untuk penyerahan kepada International International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPC)
Pernyataan Etika:	Kajian ini telah dijalankan selaras dengan piawaian etika penyelidikan. Semua prosedur yang melibatkan responden manusia telah disemak dan diluluskan oleh TDM, TLDM dan TUDM. Persetujuan bermaklumat telah diperoleh daripada semua responden sebelum pengumpulan data dijalankan. Penyertaan adalah secara sukarela, dan responden telah dijamin kerahsiaan serta anonimitas. Data yang dikumpulkan digunakan semata-mata bagi tujuan akademik.
Pernyataan Sumbangan Penulis:	Semua penulis telah menyumbang secara signifikan terhadap pembangunan manuskrip ini. Amirrul Haffis Mohamad bertanggungjawab terhadap pengkonsepan, metodologi dan penyeliaan keseluruhan kajian. Zahimi Zainol Abidin mengendalikan pengumpulan data, analisis serta tafsiran dapatan kajian. Daud Mohamed Salleh menyumbang kepada sorotan literatur, penyediaan draf, dan semakan kritikal manuskrip. Semua penulis telah membaca dan meluluskan versi akhir manuskrip sebelum penyerahan..

Rujukan

- Adler, A. B., & Castro, C. A. (2013). An occupational mental health model for the military. *Military Behavioral Health, 1*(1), 41–45.
- Al-Attas, S. M. N. (1991). *The concept of education in Islam: A framework for an Islamic philosophy of education*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Al-Ghazali. (2001). *Ihya' 'Ulum al-Din*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Nahlawi, A. (2005). *Usul al-tarbiyah al-Islamiyyah wa asalibuha fi al-bayt wa al-madrasah wa al-mujtama'*. Damascus: Dar al-Fikr.
- Bahagian Provos dan Perundangan ATM. (2025). *Laporan kes disiplin dan jenayah Angkatan Tentera Malaysia bagi suku pertama (Januari–Mac 2025)*. Markas Angkatan Tentera Malaysia.
- Bandura, A. (1977). *Social learning theory*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Bandura, A. (1986). *Social foundations of thought and action: A social cognitive theory*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Baron, R. M., & Kenny, D. A. (1986). The moderator–mediator variable distinction in social psychological research: Conceptual, strategic, and statistical considerations. *Journal of Personality and Social Psychology, 51*(6), 1173–1182.
- Bartone, P. T. (2006). Resilience under military operational stress: Can leaders influence hardiness? *Military Psychology, 18*(sup1), S131–S148.
- Chong, W. F., Falahat, M., & Lee, C. Y. (2020). *Questionnaire design and validation in social science research: Principles and practices*. Singapore: Springer.
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2023). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (6th ed.). Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Franke, G., & Sarstedt, M. (2019). Heuristics versus statistics in discriminant validity testing: A comparison of four procedures. *Internet Research, 29*(3), 430–447.
- Hair, J. F., Hult, G. T. M., Ringle, C. M., & Sarstedt, M. (2021). *A primer on partial least squares structural equation modeling (PLS-SEM)* (3rd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Halstead, J. M. (2007). Islamic values: A distinctive framework for moral education? *Journal of Moral Education, 36*(3), 283–296.
- Henseler, J., Hubona, G., & Ray, P. A. (2021). Partial least squares path modeling: Updated guidelines. *Journal of Business Research, 129*, 1–12.
- Ismail, R., & Yusuf, T. (2025). Murabbi as a transformative agent in value internalization. *International Journal of Islamic Studies and Education*.
- Langgulong, H. (1991). *Asas-asas pendidikan Islam*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahimi, N., & Noor, H. (2025). Integrating Qur'anic ethics in professional education. *International Journal of Islamic Moral Education*.
- Rahman, A. R., & Salleh, H. (2025). Interactive learning methods and value internalization in military education. *International Journal of Islamic Spirituality in Education*.
- Sarstedt, M., Hair, J. F., Cheah, J. H., Becker, J. M., & Ringle, C. M. (2022). How to specify, estimate, and validate higher-order constructs in PLS-SEM. *Australasian Marketing Journal, 30*(2), 104–119.
- Siddiq, A., & Ahmad, F. (2024). Al-Quranic value internalization and character development. *Journal of Qur'anic Education Research*.
- Syah, M. F., Azman, N. H., & Hassan, S. A. (2024). Islamic pedagogical strategies for moral character development. *Journal of Islamic Education Research*.

Zebua, A. I., Zega, I. P. S., & Hanum, A. (2024). Pendidikan Islam dalam Pemikiran Hasan Langgulung. *Jurnal Dirosah Islamiyah*, 6(3), 900–914.